



**PROGRAM** Kenali Diri, Hormati Diri membantu pelajar mengatasi masalah dan cabaran yang dihadapi.

# Program kenal, hormat diri bantu remaja

Oleh Sharifah Munirah

USAHA membanteras keganasan dan penganiayaan wanita dan kanak-kanak perlu dijadikan agenda penting oleh semua pihak. Ini wajar kerana jumlah kes yang membabitkan golongan berkenaan semakin meningkat.

**Remaja perlu memahami perubahan diri mereka ketika proses pendewasaan kerana ini penting dalam pembentukan imej, keyakinan dan perwatakan positif**

bertanggungjawab dengan anggota masyarakat lain," katanya.

Sebagai permulaan, 17 sekolah menengah di Pulau Pinang dipilih menyertai program perintis itu yang membabitkan 350 pelajar tingkatan tiga (lelaki dan perempuan).

ta dan menggalak mereka bertanyakan soalan.

"Pelajar mampu membina cangkan pelbagai aspek kehidupan sosial secara terbuka walaupun pada mulanya mereka agak malu. Program ini bahagian yang membolehkan

meningkat.  
Hasil kajian yang dilaksanakan beberapa tahun lalu, 39 peratus wanita di negara ini pernah mengalami penganiayaan atau keganasan dalam jangka hayatnya.

Lima tahun lalu, 1,409 laporan polis dibuat bersabit keganasan rumah tangga. Pada 1997, iaitu tahun pelaksanaan Akta Keganasan Rumah Tangga, jumlah itu meningkat 388 peratus atau 5,477 kes.

Kejadian rogol dan sumbang muhrim turut bertambah ke tahap membimbangkan. Pada 1991, polis mencatatkan 682 kes rogol dan jumlah itu meningkat berlipat ganda kepada 1,323 pada 1997.

Keadaan lebih membimbang-

kan apabila mangsa keganasan membabitkan kanak-kanak.

Sehubungan itu, langkah mendidik dan meningkatkan kesedaran golongan sasaran, amat penting dan perlu diberi perhatian serius, bukan saja oleh kerajaan malah pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Menyedari keadaan itu, Pusat Krisis Wanita (PKW) Pulau Pinang, dengan sokongan Majlis Aids Malaysia dan Jabatan Pendidikan negeri melancarkan program R.E.S.P.E.K atau Kenali Diri, Hormati Diri, khusus membantu golongan remaja mengatasi masalah dan cabaran yang dihadapi.

Presidennya, Zarizana Abdul Aziz, berkata program itu ber-

tujuan membantu remaja memahami perubahan sosial, fizikal dan emosional yang berlaku pada diri masing-masing.

Menurut beliau, program yang inovatif itu dibentuk Dr Prema Devaraj dan Janet Pillai. Matlamatnya, mengajar remaja menghormati diri sendiri dan orang lain dalam proses interaksi secara positif dan sihat.

"Mereka perlu memahami perubahan yang berlaku dalam diri ketika proses penderewasaan kerana ini penting dalam pembentukan imej, keyakinan dan perwatakan diri yang positif.

"Berbekalkan nilai positif, kita harap mereka mampu berinteraksi secara sihat dan

laki dan perempuan).  
Beliau berkata, program yang berlangsung antara April hingga Jun tahun ini, dibahagikan kepada empat sesi. Tiga sesi pertama merangkumi bengkel interaktif, diikuti drama dua hala berjudul *Kenali Diri, Hormati Diri*.

Program itu dikendalikan ketika waktu belajar di sekolah dengan 20 pelajar terbahagi kepada dua kumpulan (lelaki dan perempuan secara berasingan). Ketika program itu dijalankan, guru kaunseling di sekolah bertindak sebagai pemerhati.

Mengikut tindak balas yang diterima, corak pendekatan tidak formal yang digunakan berjaya menarik minat peser-

boleh dianggap usaha yang baik ke arah membantu pelajar memahami diri masing-masing dan seterusnya, memahami dan menghormati orang lain.

"Ramai berpendapat program ini perlu diperluaskan kepada pelajar tingkatan empat tetapi buat masa ini, ia perlu dipertimbangkan terlebih dulu kerana PKW menghadapi masalah kekurangan tenaga untuk mengendalikannya," katanya.

PKW kini dalam proses menilai dan mengkaji keberkesanan program yang dilaksanakan. Langkah ini wajar untuk mengenal pasti kelemahan dan kekurangan sebelum langkah mengatasinya boleh diambil.



**REMAJA** diajar menghormati diri sendiri dan orang lain dalam proses interaksi secara positif dan sihat.



**PROGRAM**  
Kenali Diri,  
Hormati Diri  
dikendalikan  
pada waktu  
belajar  
di sekolah  
dengan 20  
pelajar  
terbabit  
dibahagikan  
kepada  
kumpulan  
lelaki dan  
perempuan.